

Pemilihan Mahathir sebagai Presiden ICDAIT menjadi pembuka mata kepada dunia — Ghafar

JASIN 20 Jun — Pemilihan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Penedaran Najis Dadah (ICDAIT) sungguh mengagumkan dan menjadi pembuka mata kepada dunia.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba berkata, semua pemimpin dunia dari timur ke barat, termasuk Presiden Ronald Reagan, Puan Margaret Thatcher dan Presiden Hosni Mubarak telah menyokong perlantikan Perdana Menteri sebagai Presiden ICDAIT.

“Perlantikan itu secara sekelip mata membuat Malaysia terkenal di kaca mata dunia dan membuktikan bahawa orang dari negara ini juga boleh memimpin pada peringkat antarabangsa,” katanya pada majlis kesyukuran dan Hari Raya Aidilfitri di balairaya FELCRA Lipat Kajang dekat sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berharap lebih ramai lagi pemimpin dari negara ini akan mencapai kejayaan pada peringkat antarabangsa bidang politik atau ekonomi.

Bellau yang juga Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berkata, Datuk Sri Dr. Mahathir akan disambut secara besar-besaran kembalinya dari Persidangan ICDAIT di Vienna.

Menurutnya, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Sri Sanusi Junid dipertanggungjawabkan menyusun persiapan me-

nyambut Perdana Menteri yang telah diberikan kehormatan oleh dunia itu.

Di Kuala Lumpur: Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia menyifatkan pemilihan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Penedaran Dadah sebagai penghormatan kepada bangsa Melayu sebagai pemimpin dunia.

Anggota Exco Pemuda, Haji Mohd. Padil Harun berkata dalam satu kenyataan, “dahulu kita dipandang rendah tetapi sekarang pemimpin kita pula dihormati dan kejayaan Datuk Sri Dr. Mahathir dianggap sebagai menebus maruah bangsa.”

Katanya, pemilihan Datuk Sri Dr. Mahathir sekaligus menolak dakwaan kononnya kepimpinan beliau terutama berhubung dengan dasar luar, menyebabkan banyak pemimpin dunia tidak senang dengannya.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Sosial Pemuda UMNO berkata pemilihan Perdana Menteri membuktikan bahawa dunia mengakui akan peranan dan ketegasan Kerajaan Malaysia bagi membanteras dadah.

Haji Mohd. Padil berkata beliau akan mencadangkan pada mesyuarat Exco Pemuda Selasa ini supaya majlis kesyukuran diadakan bagi Datuk Sri Dr. Mahathir apabila beliau kembali ke tanahair.